



The Sarawak Museum Journal

Vol. LXV No. 86

December 2008



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Asyaari Muhamad (2008). Cabaran Masa Depan Bidang Arkeologi di Malaysia. The Sarawak Museum Journal, LXV (86): 191-212

CABARAN MASA DEPAN BIDANG ARKEOLOGI DI MALAYSIA

Asyaari Muhamad

ABSTRAK

Artikel ini akan memfokuskan kepada bidang arkeologi di Malaysia yang berhadapan dengan cabaran pembangunan negara serta kemajuan teknologi. Bidang arkeologi di Malaysia terbahagi kepada empat bidang utama iaitu Arkeologi Prasejarah, Arkeologi Protosejarah, Arkeologi Sejarah dan Arkeologi Maritime. Bidang yang sebegini luas sudah tentu memberi pandangan yang pro dan kontra kepada negara lebih-lebih lagi pihak pemerintah yang sering menjadikan isu pembangunan, ekonomi serta kemajuan teknologi yang lebih utama jika dibandingkan dengan bidang yang bersifat kemanusiaan ini. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan kewajaran serta sejauh manakah bidang arkeologi ini dapat membantu negara dalam melestarikan pembangunan, perekonomian serta mengekalkan profesionalisme bidang ini terhadap khalayak yang mendukungnya. Beberapa contoh tapak arkeologi yang terkenal di Negara seperti tapak arkeologi prasejarah di Lenggong, Lembah Bujang, Melaka dan Kuala Lumpur akan dijadikan contoh untuk dinilai sama ada bidang arkeologi itu relevan dengan kehendak negara. Hakikatnya, bidang arkeologi dapat membantu negara dalam pelbagai aspek misalnya dari aspek kemanusiaan atau jati diri asal-usul sesuatu kaum atau bangsa, aspek sejarah warisan ketamadunan bangsa, aspek pelancongan, aspek perekonomian dan pembangunan kerohanian. Namun demikian, ada sesetengah pihak pula Cuba meminggirkan akan peri pentingnya bidang arkeologi ini terhadap pembangunan negara. Bagi mereka mengapa kita harus melihat atau mengkaji perkara yang sudah lama musnah, basi atau lupus. Sebagai sebuah negara yang sedang menghadapi cabaran globalisasi serta ingin menjadi negara maju pada tahun 2020 negara hams melihat isu-isu yang kontemporari berbanding dengan isu lama dan kuno. Kesemua aspek ini akan dibincangkan dalam artikel ini dan akan dirumuskan satu senario tentang cabaran masa depan bidang arkeologi di Malaysia.

CABARAN MASA DEPAN BIDANG ARKEOLOGI DI MALAYSIA

oleh

Asyaari Muhamad

Abstrak

Artikel ini akan memfokuskan kepada bidang arkeologi di Malaysia yang berhadapan dengan cabaran pembangunan negara serta kemajuan teknologi. Bidang arkeologi di Malaysia terbahagi kepada empat bidang utama iaitu Arkeologi Prasejarah, Arkeologi Protosejarah, Arkeologi Sejarah dan Arkeologi Maritime. Bidang yang sebegini luas sudah tentu memberi pandangan yang pro dan kontra kepada negara lebih-lebih lagi pihak pemerintah yang sering menjadikan isu pembangunan, ekonomi serta kemajuan teknologi yang lebih utama jika dibandingkan dengan bidang yang bersifat kemanusiaan ini. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan kewajaran serta sejauh manakah bidang arkeologi ini dapat membantu negara dalam melestarikan pembangunan, perekonomian serta mengekalkan profesionalisme bidang ini terhadap khalayak yang mendukungnya. Beberapa contoh tapak arkeologi yang terkenal di Negara seperti tapak arkeologi prasejarah di Lenggong, Lembah Bujang, Melaka dan Kuala Lumpur akan dijadikan contoh untuk dinilai sama ada bidang arkeologi itu relevan dengan kehendak negara. Hakikatnya, bidang arkeologi dapat membantu negara dalam pelbagai aspek misalnya dari aspek kemanusiaan atau jati diri asal-usul sesuatu kaum atau bangsa, aspek sejarah warisan ketamadunan bangsa, aspek pelancongan, aspek perekonomian dan pembangunan kerohanian. Namun demikian, ada sesetengah pihak pula cuba meminggirkan akan peri pentingnya bidang arkeologi ini terhadap pembangunan negara. Bagi mereka mengapa kita harus melihat atau mengkaji perkara yang sudah lama musnah, basi atau lupus. Sebagai sebuah negara yang sedang menghadapi cabaran globalisasi serta ingin menjadi negara maju pada tahun 2020 negara harus melihat isu-isu yang kontemporari berbanding dengan isu lama dan kuno. Kesemua aspek ini akan dibincangkan dalam artikel ini dan akan dirumuskan satu senario tentang cabaran masa depan bidang arkeologi di Malaysia.

PENGENALAN

Apabila masyarakat umum mendengar perkataan Arkeologi, mungkin perspektif kefahaman pertama mereka ialah..ohh... benda-benda yang gali menggali tu!..cari harta karun tu!... atau gali kubur lama tu! Atau yang cerita seperti The Indiana Jones tu..Jurassic Park tu, The Relic Hunter tu? Sebenarnya kesemua yang masyarakat umum anggapkan itu ada sebahagiannya benar dan ada sebahagiannya salah. Hakikatnya, arkeologi merupakan satu bidang atau ilmu di mana pengkaji mengkaji kehidupan, ketamadunan, teknologi, kebijaksanaan, perekonomian, kesenian masyarakat zaman dahulu kala melalui bahan atau benda peninggalan mereka yang disebut artifak dan non-artifak.

Secara ilmiahnya, menurut beberapa tokoh ahli arkeologi terkenal, mereka mendefinisikan arkeologi dengan pelbagai definisi tetapi maksudnya sama. Paul Bahn misalnya mentakrifkan arkeologi sebagai satu kajian yang sistematik tentang masa lampau yang berasaskan budaya kebendaan dengan bermatlamatkan untuk membongkar, menerangkan dan mengklasifikasikan tinggalan-tinggalan budaya, menghuraikan bentuk dan prilaku masyarakat silam serta memahami bagaimana ia terbentuk dan akhir sekali merekonstruksikan semula. (Bahn, 1996: 1). Grahamme Clark pula mendefinisikan arkeologi sebagai satu bentuk kajian yang sistematik ke atas bahan-bahan purba bagi membentuk semula sejarah. Manakala Glyn Daniel mendefinisikan arkeologi sebagai satu cabang sejarah yang mengkaji tinggalan-tinggalan masa lampau. Kajian yang menggunakan segala maklumat sama ada bertulis, epigrafik atau tinggalan dengan matlamat akhir untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang manusia masa silam, (Daniel, 1967: 2.). Daripada himpunan beberapa definisi arkeologi di atas, maka bolehlah disimpulkan arkeologi itu merupakan satu bidang disiplin ilmu yang mengkaji tentang manusia dan kebudayaan masa silam berdasarkan kepada tinggalan kebendaan dengan kaedah penyelidikan yang sistematik serta menggunakan pelbagai pendekatan disiplin-disiplin yang lain seperti sejarah, antropologi, geografi, geologi, fizik, kimia, botani, matematik, senibina, kejuruteraan dan lain-lain lagi.

Di Malaysia, bidang arkeologi boleh dibahagikan kepada empat bidang utama. Pertama, bidang arkeologi Prasejarah; kedua, arkeologi Protosejarah; ketiga, bidang arkeologi Sejarah dan keempat bidang arkeologi Maritime atau arkeologi Bawah Air. Antara keempat-empat bidang arkeologi ini, hanya tiga bidang yang sering diberi tumpuan oleh para pengkaji sejak dari dahulu lagi iaitu arkeologi prasejarah, arkeologi protosejarah dan arkeologi sejarah. Arkeologi Maritime atau Bawah Air kurang diberi tumpuan kerana sebab-sebab yang tertentu misalnya dari segi kos yang terlalu tinggi, kurang kepakaran serta berisiko besar. Namun demikian terdapat juga beberapa ahli arkeologi tempatan yang menceburi bidang arkeologi bawah air ini tetapi di bawah penyeliaan pakar dari luar.

Antara tapak-tapak arkeologi zaman prasejarah yang terdapat di Malaysia merangkumi dari utara Semenanjung Malaysia hingga ke bahagian pertengahan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Manakala tapak-tapak arkeologi zaman protosejarah pula terdapat di utara Semenanjung Malaysia iaitu seperti di Kedah, Perak, Terengganu, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak. Tapak arkeologi zaman sejarah pula merangkumi sebahagian besar Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak. Tapak arkeologi zaman sejarah diistilahkan sebagai tapak-tapak yang menjadi pusat pentadbiran, pemerintahan kerajaan awal sejak Kesultanan Melaka hingga ke zaman pemerintahan British di Malaysia. Kesan-kesan seperti tembok kota, kubu pertahanan, makam-makam lama, artifak serta bangunan-bangunan yang didirikan semasa penjajahan British itu semua dikira tergolong dalam kategori tapak arkeologi zaman sejarah (Lihat Peta 1).

Apabila kita membicarakan siapakah ahli arkeologi atau pakar-pakar yang bertanggungjawab menjalankan penyelidikan arkeologi di Malaysia ini, penulis ingin menghuraikannya melalui dua *period* atau zaman. Pertama zaman penjajah yang kebanyakan ahli arkeologi pada waktu ini didokongi oleh ahli arkeologi barat dari British. Pada zaman ini, ahli arkeologi barat ini pula ada yang profesional dan ada pula yang separa profesional. Ahli arkeologi barat yang profesional bermaksud penyelidik barat yang benar-benar pakar dalam bidang penyelidikan arkeologi seperti H.D. Collings, M.W.F. Tweedie,